

Rana monjerai

Family: Ranidae

Subfamily: Raninae

Genus : Rana

Species : *Rana monjerai*



Rana monjerai ini merupakan spesies baru katak yang telah ditemui di Malaysia. Katak ini telah ditemui oleh sekumpulan penyelidik daripada Universiti Sains Malaysia (USM) semasa mereka menyertai Ekspedisi Saintifik Kepelbagaiannya Biologi Hutan Gunung Jerai, Kedah yang telah dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Kedah pada tahun 2005.

Rana monjerai ini merupakan katak yang bersaiz sederhana di mana katak betinanya boleh mencapai sehingga 75 mm dan katak jantan pula dianggarkan antara 38 mm dan 43 mm panjang bermula dari lubang hidung ke anus. Spesies ini dipercayai hanya dijumpai di Gunung Jerai sahaja dan dapat ditemui bertenggek di batu dan pasir di sepanjang anak sungai di kawasan pergunungan tersebut.

Spesies katak ini biasanya dijumpai di kawasan sungai yang mempunyai air yang bersih, tidak tercemar dan tidak terganggu. Katak ini boleh dijadikan penunjuk biologi kepada penilaian tahap kebersihan/kesihatan sistem sungai atau kepada alam sekitar keseluruhannya.